

Bab 4

**Pelaburan Islam :
Jabatan Pelaburan,
Lembaga Tabung Haji (LTH)**

BAB 4
PERLAKSANAAN PELABURAN ISLAM
DI LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Sejarah penubuhan Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 4.3 Objektif dan matlamat Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 4.4 Prinsip-prinsip Am Pelaburan di Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 4.5 Konsep Syariah dalam Pelaburan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 4.6 Strategi Pelaburan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 4.7 Struktur Organisasi Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)
 - 4.7.1 Bahagian Pembangunan Hartanah
 - 4.7.2 Bahagian Pembangunan Pelaburan
 - 4.7.3 Bahagian Pengurusan Pelaburan
 - 4.7.4 Bahagian Urusniaga Saham
 - 4.7.5 Bahagian Perundangan
- 4.8 Sektor-sektor utama dalam pelaburan di Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 4.9 Jenis-jenis pelaburan yang diceburi oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)
 - 4.9.1 Pelaburan Jangka Pendek
 - 4.9.2 Pelaburan Jangka Panjang
 - 4.9.3 Pelaburan Anak-anak Syarikat
- 4.10 Kesimpulan

4.1 Pengenalan

Sebagai salah satu institusi kewangan yang utama, Lembaga Tabung Haji (LTH) banyak menjalankan pelbagai jenis aktiviti pelaburan yang berlandaskan Islam. Ini bagi memastikan institusi ini terus bergerak dan memberikan pelbagai manfaat kepada pengguna dan pencarum disamping dapat meningkatkan kewibawaan institusi yang disegani ini terus unggul sebagai model institusi kewangan Islam di dunia.

Di samping itu, LTH juga sepanjang masa berusaha untuk membolehkan pendepositnya mendapat pulangan yang kompetitif bagi simpanan mereka di LTH. Oleh yang demikian, untuk merealisasikan impian ini, maka badan ini sentiasa mencari peluang-peluang pelaburan di dalam dan luar negara yang menguntungkan serta mampu mendatangkan hasil yang lumayan untuk dikongsi bersama dengan pendeposit.

Sebagai tambahan, pelaburan yang diceburi oleh LTH adalah untuk jangka masa yang panjang dan pendek. Oleh itu, ini akan dapat menambahkan variasi bentuk pelaburan yang dilaksanakan di LTH. Apa yang lebih menarik tentang pelaburan ini ialah kesemua bentuk pelaburan yang dijalankan di LTH adalah menggunakan dan mengamalkan pendekatan syariah dengan menggunakan instrumen-instrumen seperti *al-Muḍārabah*, *al-Musyārakah*, *al-Bai' Bithaman Ājil* dan *al-Murābahah*. Kesemua instrumen-instrumen yang digunapakai di LTH ini akan dibincangkan di dalam bab ini secara mendalam.

4.2 Sejarah penubuhan Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)

Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH) merupakan salah satu jabatan yang pada hari ini menjadi tunjang utama di LTH. Ia berfungsi sebagai penggerak aktiviti pelaburan di Tabung Haji. Jabatan ini turut mendapat mandat daripada pihak pelabur-pelabur atau pencarum-pencarum di LTH untuk menjalankan segala aktiviti yang boleh meningkatkan tahap kewangan dan ekonomi pelabur disamping menambahkan pulangan terhadap simpanan mereka.

Tabung Haji yang pada asalnya dikenali sebagai Perbadanan Simpanan Wang Bakal-bakal Haji (PWSBH), pada tahun 1963 sehingga tahun 1968 telah dibahagikan kepada beberapa bahagian. Aktiviti pelaburan di institusi ini telah disalurkan melalui salah satu gerak kerja di bawah Jabatan Tabung Haji dan urusan pelaburan diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Tanaman Modal. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mempromosikan dan mengaktifkan wang simpanan pendeposit dan melaburkannya untuk mendapatkan keuntungan.¹ (Lihat lampiran 4.1)

Seterusnya, pada tahun 1969 sehingga 1972, sedikit rombakan telah dibuat terhadap struktur organisasi Tabung Haji. Pada kali ini urusan pelaburan di Tabung Haji telah diletakkan di bawah bidang kuasa Bahagian Kewangan. Selain daripada Bahagian Kewangan, bahagian-bahagian lain yang turut menyumbang kepada kecemerlangan sistem pengurusan di Tabung Haji ialah seperti Bahagian Urusan Haji dan Bahagian Pentadbiran dan Perhubungan. Selain daripada itu Pengarah Besar juga turut dibantu oleh Jawatankuasa Kebajikan dan Kewangan.² (Lihat lampiran 4.2)

Pada tahun 1973 sehingga tahun 1981, sekali lagi satu perubahan dibuat bagi memperkemarkan dan melicinkan lagi urusan pentadbiran Tabung Haji. Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Akta No. 8/1969 dan akta ini digantikan dengan Akta No. A168/1973 Lembaga Tabung Haji (LTH)(Pindaan). Perubahan yang dilakukan melibatkan² pertukaran jumlah keahlian Jemaah Lembaga Pengarah, dan pertambahan satu badan penasihat yang dikenali sebagai Majlis Penasihat Urusan Haji di samping menukar nama Jawatankuasa Kewangan kepada Majlis Penasihat Kewangan. Urusan pelaburan turut dikendalikan oleh Majlis Penasihat Kewangan dan dibantu dengan Bahagian Kewangan di bawah seliaan Cawangan Pelaburan yang menguruskan perkara yang bersangkutan dengan pembelian saham, pelaburan modal, dan perusahaan serta menguruskan pembelian tanah dan pembinaan bangunan untuk disewakan.³ (Lihat lampiran 4.3)

Dengan bantuan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) Tabung Haji sekali lagi melangkah ke hadapan menuju ke arah sistem pentadbiran yang lebih baik. Pada tahun 1982 hingga 1984, Tabung Haji yang diketuai oleh Jemaah Lembaga Pengarah dibantu oleh tiga jabatan-jabatan utama iaitu Jabatan Haji, Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Kewangan dan Pelaburan. Urusan pelaburan masih diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Kewangan dan Pelaburan dengan kerjasama Bahagian Urus Bangunan, Bahagian Tanah dan Binaan, dan Bahagian Saham.⁴ (Lihat lampiran 4.4)

Seterusnya pada tahun 1984 sehingga 1988, bagi memperlihatkan satu urusan yang lebih kemas dan tersusun, Tabung Haji sekali lagi mengalami sedikit perubahan di mana organisasi Tabung Haji telah dibahagikan kepada empat bahagian pula iaitu Jabatan Haji, Jabatan Korporat, Jabatan Pentadbiran dan

Perhubungan dan juga Jabatan Kewangan dan Pelaburan.⁵ (Lihat lampiran 4.5)

Oleh itu, sedikit perubahan dibuat dimana Jabatan Korporat ditambah ke dalam jabatan yang sedia ada di Tabung Haji, dan dalam masa yang sama urusan pelaburan masih lagi berada di bawah Jabatan Kewangan dan Pelaburan.

4

Untuk mengemaskinikan lagi segala aktiviti pentadbiran, pengurusan organisasi Tabung Haji telah dibahagikan kepada empat jabatan yang agak kontemporari pada tahun 1989 iaitu Jabatan Haji, Jabatan Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Pelaburan.⁶ (Lihat lampiran 4.6) Perubahan ini telah memberikan impak yang positif kepada urusan pelaburan di Tabung Haji dimana buat pertama kalinya urusan pelaburan di Tabung Haji telah diletakkan di bawah satu jabatan yang khusus. Jabatan Pelaburan yang baru ditubuhkan terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian Pertukaran Wang Asing, Bahagian Tanah dan Binaan, Bahagian Saham, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan dan Bahagian Urusan Korporat.⁷ Perubahan organisasi yang mencipta sejarah tersendiri kepada urusan pelaburan di Tabung Haji ini terus kekal sehingga tahun 1992.

Bagaimanapun pada tahun 1993, Bahagian Urusan Korporat dan Pengurusan Kewangan telah digabungkan menjadi Bahagian Urusan Korporat / Pengurusan Kewangan. Penggabungan ini menjadikan struktur pentadbiran Jabatan Pelaburan terbahagi kepada empat bahagian sahaja iaitu Bahagian Urusan Korporat / Pengurusan Kewangan, Bahagian Saham, Bahagian Tanah dan Binaan dan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan.

Seterusnya pada tahun 1994, jabatan-jabatan di atas terus dikekalkan melainkan Bahagian Urusan Korporat / Pengurusan Kewangan yang diubah nama kepada Bahagian Pengurusan Wang. Anjakan yang lebih drastik terus berlaku pada tahun 1995 dan 1996 dimana Jabatan Pelaburan telah diubah nama kepada Jabatan Pembangunan Pelaburan yang masih menjalankan fungsi yang sama. Jabatan ini pula dibahagikan kepada tiga bahagian yang penting iaitu Bahagian Tanah dan Binaan, Bahagian Pembangunan Pelaburan dan Bahagian Pengurusan Dana.

Pada tahun 1997 pula, nama Jabatan Pembangunan Pelaburan kembali kepada Jabatan Pelaburan dengan lima bahagian utama yang mana dua bahagian tambahan sudah bergerak dan berfungsi dari tahun 1995 dan 1996 lagi tetapi secara rasminya diwartakan pada tahun 1997. Bahagian-bahagian tambahan yang dimaksudkan ialah Bahagian Kejuruteraan (Teknikal) dan Bahagian Pelaburan Luar Negeri.

Namun demikian, dengan prestasi yang meningkat dan cabaran pelaburan yang berganda, sekali lagi pada tahun 1998, bahagian-bahagian di bawah Jabatan pelaburan dirombak bagi memastikan perubahan struktur yang ada mampu mendepani peredaran dan keperluan semasa. Oleh yang demikian, Jabatan Pelaburan Tabung Haji telah dibahagikan kepada beberapa bahagian utama (Lihat lampiran 1.7) yang berterusan sehingga tahun 2000 iaitu:

1. Bahagian Pembangunan Hartanah
2. Bahagian Pembangunan Pelaburan
3. Bahagian Pengurusan Pelaburan

4. Bahagian Urusniaga Saham
5. Bahagian Perundangan

Setiap daripada bahagian ini mempunyai tanggungjawab yang tersendiri yang akan dibincangkan dalam perbincangan yang selanjutnya dalam Bab 4 ini.

4.3 Objektif dan matlamat Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)

Jabatan ini yang secara jelasnya mempunyai fungsi pelaburan telah menggariskan beberapa objektif bagi memastikan segala aktiviti yang dijalankan sejajar dengan objektif penubuhan LTH. Seperti yang dijelaskan dalam Bab 1, gerak kerja Tabung Haji tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu deposit, pengurusan haji dan juga pelaburan. Oleh itu, bagi merealisasikan satu pelaburan yang mantap, Jabatan Pelaburan turut menetapkan matlamat dan objektif tertentu untuk dicapai.

Antara objektif yang telah digariskan termasuklah berusaha untuk menguruskan pelaburan dalam bidang ekonomi yang halal bagi memperolehi pulangan yang maksimum di samping memastikan pertumbuhan yang berterusan dari semua pelaburan yang dibuat olehnya.⁸ Dengan kata lain, Jabatan Pelaburan berusaha untuk mendapatkan pulangan pelaburan sebaik mungkin lantas memberikan keuntungan yang bernilai kepada perdeposit.⁹

Selain daripada itu, Jabatan Pelaburan juga bertanggungjawab untuk mengkaji peluang pelaburan yang berdaya maju di samping meneruskan matlamat

dan syarat utama iaitu kehalalan sesuatu pelaburan. Oleh yang demikian, melalui objektif yang jelas ini, segala bentuk pelaburan yang dijalankan di LTH dijamin berlandaskan syariah dan menepati matlamat asal penubuhan LTH yang mahu meningkatkan prestasi ekonomi umat Islam yang selaras dengan kehendak syariah. Penyelidikan untuk pelaburan juga akan bertumpu kepada sektor-sektor berteknologi tinggi yang berdaya maju seperti pekilangan, pemakanan, pembinaan perladangan, perhubungan dan lain-lain.

Objektif seterusnya ialah untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat melalui perancangan yang aktif dalam bidang pelaburan saham, perladangan, hartanah dan bangunan serta pengangkutan.¹⁰ Dengan usaha ini, Jabatan Pelaburan bukan sahaja membantu secara langsung aktiviti ekonomi umat Islam, tetapi secara tidak langsung juga dapat mengurangkan peratusan pengangguran yang wujud di negara ini.

Sebagai tambahan, sebagai salah satu institusi pelaburan, Tabung Haji melalui Jabatan Pelaburannya juga akan berusaha untuk memberikan saingan yang positif kepada institusi kewangan terutamanya pelaburan yang lain seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Syarikat Takaful, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan lain-lain.¹¹ Walaupun kehadiran aktiviti pelaburan yang aktif di Tabung Haji agak lewat berbanding badan-badan di atas, namun melalui keyakinan yang ada daripada pelabur dan juga dengan sokongan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang berwibawa, Jabatan Pelaburan dengan kemahiran dan potensi yang ada senantiasa cuba mencapai matlamat yang telah digariskan bagi memastikan segala aktiviti pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji menarik minat lebih ramai pelabur.

Selain daripada itu, Jabatan Pelaburan juga bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan perancangan bagi semua aktivi pelaburan di LTH dan anak-anak syarikatnya dari segi membentuk dan mengemukakan cadangan-cadangan secara menyeluruh mengenai objektif, strategi dan dasar. Di samping itu, jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mengesan dan memantau keseluruhan prestasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bersesuaian dengan objektif Tabung Haji yang ditetapkan.¹²

Sebagai tambahan, jabatan ini juga perlu melaksanakan pelbagai strategi korporat bagi mengukuhkan kedudukan dan pengangan ekuiti Tabung Haji di dalam sektor-sektor tertentu yang mencerminkan imej pelaburan korporat Tabung Haji secara penyertaan, pangambilalihan dan mana-mana cara pergerakan berpasukan yang sesuai mengikut keadaan untuk pelaburan di dalam dan di luar negara.¹³

Oleh yang demikian, berlandaskan objektif-objektif di atas, adalah menjadi tanggungjawab LTH untuk memastikan semua urusan pelaburan dan pengurusan wang tunai dalam bidang ekonomi tidak bertentangan dengan hukum syara'. Semua usaha pelaburan perlu dikaji dan dirancang dengan teliti untuk menentukan asas yang dihalalkan serta mendapatkan pulangan yang maksimum.¹⁴

4.4 Prinsip-prinsip Am Pelaburan di Lembaga Tabung Haji (LTH)

Sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang mendapat kepercayaan masyarakat Islam di negara ini, Lembaga Tabung Haji (LTH) perlu memastikan

amanah ni dijalankan dengan penuh ikhlas dan memastikan amanah yang besar ini terlaksana dengan sewajarnya. Oleh itu, dalam menjalankan aktiviti pelaburan, beberapa prinsip-prinsip am pelaburan oleh Tabung Haji telah digariskan. Pelaksanaan pelaburan di LTH ini sejajar dengan Akta 535, Akta TH 1995 Perkara 20 (1) dan (2) yang mana memetik¹⁵:

Perkara 20 (1):

“Aset Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Lembaga”

Perkara 20 (2):

“Lembaga tidak boleh menjalankan kuasa-kuasa pelaburan di bawah subseksyen (1) tanpa kelulusan Menteri”

Jabatan yang bertanggungjawab atas semua urusan pelaburan dalam sektor ekonomi yang diluluskan Syariah ini bertujuan untuk memberikan pulangan yang maksimum kepada pendeposit. Prinsip utama pelaburan yang diberikan oleh jabatan ini adalah termasuk langkah-langkah mempelbagaikan dan memperkukuhkan aktiviti-aktiviti pelaburan bagi meningkatkan keuntungan dan berusaha kearah pengembelian dana ummah di samping meningkatkan usaha pengeluaran barangan dan kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai.

Penekanan terhadap pelaburan juga akan terus dibuat kepada syarikat-syarikat yang berdaya maju dan mempunyai pengurusan yang cekap. Selain daripada itu, jabatan ini turut sentiasa berusaha mengenalpasti sektor-sektor

industri yang berpotensi tinggi dan berkembang agar dapat menjamin serta memastikan kejayaan pelaburan yang dilakukan.¹⁶

Oleh yang demikian, secara ringkasnya, antara prinsip-prinsip am pelaburan oleh Tabung Haji yang menjadi asas dan pegangan utama dalam perencanaan setiap pelaburan yang dibuat adalah seperti berikut¹⁷:

1. Menentukan setiap pelaburannya tidak bertentangan dengan hukum syarak dan melibatkan aktiviti-aktiviti yang dihalalkan perlangsanaanya oleh hukum syarak.
2. Mengamalkan dasar pelaburan yang selamat dan terjamin serta memainkan peranan sebagai pelabur jangka panjang disamping mempunyai risiko yang rendah dan mendapat pulangan yang berpatutan.
3. Mengambilkira tentang pengurusan yang cekap dan sebagai rakan kongsi yang teguh untuk memastikan kejayaan pelaburan. Oleh itu, kebanyakan projek-projek usahasama hanya akan dilakukan dengan rakan-rakan kongsi yang terdiri daripada badan-badan korporat yang terkemuka ataupun individu-individu yang mempunyai reputasi dan rekod yang baik.
4. LTH akan dan sentiasa cuba memastikan pulangan dari pelaburan yang dibuat akan diperolehi dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pelaburan dibuat.

5. Pelaburan luar negara juga hanya akan diteruskan jika ia mendapat kelulusan daripada perbendaharaan negara.


Selain daripada itu,⁴ terdapat juga prinsip-prinsip umum muamalat dalam Islam sebagaimana yang digariskan oleh Dr. Mohd Ali Baharum semasa membentangkan kertas kerjanya dalam Seminar Keusahawanan dan Perniagaan Islam. Prinsip-prinsip ini turut menjadi rujukan asas dalam penentuan sesuatu pelaburan di LTH iaitu¹⁸:

1. Setiap urusan yang dijalankan itu mestilah dengan penuh kerelaan pihak-pihak berkontrak.
2. Pihak yang berkontrak mestilah sempurna keahlian dan kontrak itu tidak dicatkan dengan perkara-perkara yang boleh membatalkannya seperti paksaan (*duress*), salahnyataan (*misinterpretation*) dan khilaf (*mistake*).
3. Barangan yang menjadi objek kontrak haruslah sesuatu yang dimaklumi jelas, sifat, jumlah dan berupaya diserahkan. Ia juga mestilah sesuatu yang bermanfaat dan bersih pada pandangan syarak.
4. Muamalah itu tidak diwujudkan atas dasar riba, *al-Qimar* atau *al-Maysir*, *al-Gharar*¹⁹ dan perkara-perkara yang diharamkan.

5. Muamalat itu juga hendaklah terhindar daripada unsur-unsur penindasan yang boleh berlaku seperti penyorokan (*ihktār*), mengambil keuntungan berlebihan yang menyebabkan kerugian besar kepada pihak lain yang berkontrak (*Ghabn al-Fāhisy*), sekatan barangan dagangan daripada memasuki pasaran terbuka (*Talaqqi al-Rukbān*) dan lain-lain bentuk urusniaga yang ditegah.

Oleh yang demikian, secara ringkasnya segala proses umum yang dilalui oleh sebarang bentuk pelaburan dan tawaran pelaburan sebelum dan selepas ianya diluluskan melibatkan beberapa proses sebagaimana yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Jadual 4.1:
Proses Pelaburan di Jabatan Pelaburan, LTH



Sumber: Jabatan Pelaburan, LTH

Secara mendalam, berdasarkan jadual di atas, sebelum Tabung Haji melaksanakan sesuatu pelaburan, ianya perlu melalui beberapa proses dan prosedur yang telah ditentukan. Pertama sekali, di peringkat pengurusan, sesuatu cadangan pelaburan akan dikaji dengan mendalam dan seterusnya kertas-kerja akan disediakan bagi cadangan pelaburan yang dikira sesuai untuk Tabung Haji. Kertas kerja cadangan tersebut kemudiannya dibawa kepada Panel Pelaburan yang akan menimbang seterusnya memperakukan untuk persetujuan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji. Jika didapati sesuai, mesyuarat Lembaga Pengarah akan memberi persetujuan untuk dibawa kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Peringkat terakhir proses tersebut adalah Menteri akan menimbang untuk menolak atau meluluskan cadangan sesuatu pelaburan tersebut. Setelah melalui kesemua proses, prosedur dan tapisan-tapisan tersebut barulah Tabung Haji dapat melaksanakan sesuatu pelaburan baru.²⁰

4.5 Konsep Syariah dalam Pelaburan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)

Dalam memastikan segala aktiviti dan operasi pelaburan di LTH tidak melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariah, maka pihak LTH telah mendapat khidmat nasihat daripada Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).²¹ Dengan usaha dan langkah ini, pihak LTH dapat memastikan segala aktivitinya berlandaskan syariah. Konsep ini selaras dengan prinsip umum pelaburan LTH iaitu menepati syarak dan membawa kepada keuntungan yang maksimum.

Selain daripada itu, dalam menentukan dan meneruskan rancangan sesuatu pelaburan dalam badan-badan atau syarikat-syarikat tertentu, LTH juga banyak mendapat kemudahan hasil daripada keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti yang telah menyenaraikan senarai kaunter yang halal dan mencakupi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Melalui Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti di bawah Unit Pasaran Modal Islam (UPMI), badan ini bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk pasaran modal Islam dalam sektor ekuiti, hutang dan *derivative* dan juga mengkaji sekuriti syarikat tersenarai.²² Oleh yang demikian, dengan kepakaran yang ada yang terdiri daripada tokoh-tokoh akademik, tokoh-tokoh korporat dan pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan yang secukupnya, maka segala keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti boleh menjadi rujukan utama para pelabur di negara ini khususnya Jabatan Pelaburan, LTH.

Sebagai usaha pengukuhan, selepas merujuk kepada badan-badan yang disebutkan di atas seperti Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Syariah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti, pihak Jabatan Pelaburan sendiri akan menjalankan lagi kajian yang lebih terperinci yang bukan sahaja melibatkan proses penentuan halal atau tidak sesuatu sekuriti itu, malah melibatkan juga kemantapan syarikat terabit untuk memberikan pulangan yang diharapkan dan kemajuan masa depan sesuatu syarikat atau ekuiti.

Dengan ini, walaupun tugas-tugas Jabatan Pelaburan dapat dikurangkan dengan adanya badan-badan di atas, namun sikap berhati-hati dan berwaspada

masih diteruskan bagi memastikan LTH melabur wang-wang pendeposit dalam sektor yang dibenarkan oleh syarak dan tiada sebarang keraguan dalam pelaburan yang dibuat walaupun sekuriti terbabit telah diluluskan oleh badan-badan di atas. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa Jabatan Pelaburan, LTH senantiasa berhati-hati dalam setiap usaha pelaburan wang-wang pendeposit yang dibuat supaya redha Allah sentiasa menjadi matlamat utama.

Secara ringkas, terdapat beberapa jenis pelaburan dalam Islam yang menjadi amalan di LTH. Bagi memastikan kesinambungan prinsip kewangan Islam di dalam segala bentuk aktiviti kewangan mahupun pembiayaan di Tabung Haji, beberapa instrumen pelaburan telah diperkenalkan melalui produk-produk utama. Antara jenis-jenis pelaburan yang dimaksudkan adalah seperti *al-Muḍārabah*, *al-Musyārakah*, *al-Ijārah*, *al-Murābahah*, *al-Bai' bi thaman Ājil* dan lain-lain.

Sebagai contoh, konsep *al-Muḍārabah* telah digunapakai dalam Kertas Komersial (*Commercial Paper*), Pelaburan Am atau Khas (*Special or General Investment*) dan juga dalam Pelaburan luar negeri (*Investment Overseas*). Selain daripada itu, prinsip *al-Bai' bi thaman Ājil* diaplikasikan dalam pelaburan jangka panjang (*Long Term Investment*) dan Pembiayaan Korporat (*Corporate Sponsorship*). Konsep *al-Murābahah* pula dicernakan melalui Pelaburan Jangka Pendek (*Short Term Investment*), Bil Penerimaan Islam (*Islamic Acceptance Bill*) dan pelaburan luar negeri (*Investment Overseas*). Selain daripada itu, konsep-konsep syariah lain yang digunakan adalah seperti *Al-Istisnā'*, *Al-Ijārah*, dan *Bai' al-Naqdi*.²³

Oleh yang demikian, sebagai penutup, sebagaimana yang telah dibincangkan secara mendalam dalam Bab 2, jelaslah bahawa instrumen-instrumen pelaburan yang digunakan oleh LTH ini sentiasa dipastikan tidak lari dari landasan syariah dan juga mendasari keperluan dan kehendak masyarakat semasa.

4.6 Strategi Pelaburan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)²⁴

Kejayaan sesuatu pelaburan banyak bergantung kepada analisa yang dibuat serta suasana atau iklim perniagaan semasa. Jika kita tinjau suasana sebelum tahun 1995, Malaysia telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat dimana aktiviti perniagaan telah berkembang dan memperolehi keuntungan yang menggalakkan. Tabungan Dana Tabung Haji sebelum tahun 1993 adalah rendah jika dibandingkan selepas tahun 1995 hingga ke hari ini, di mana ianya telah menjadi berlipat kali ganda. Dengan jumlah tabungan dana yang begitu besar serta keadaan ekonomi yang menguncup telah menjadikan Tabung Haji berada di dalam satu keadaan yang kurang selesa untuk mencari peluang-peluang pelaburan yang baik dengan mudah.

Oleh yang demikian, dalam menghadapi cabaran yang mendatang dengan suasana yang tidak menentu, beberapa aspek akan diberi penekanan oleh Tabung Haji seperti membuat pemantauan yang lebih ketat terhadap palaburan-pelaburan yang telah diceburi, termasuklah kawalan ke atas anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu. Selain daripada itu, memandangkan sebahagian besar pelaburan Tabung Haji setakat ini adalah pelaburan jangka panjang, maka kajian dan

penekanan yang lebih akan diberikan kepada pelaburan jangka pendek yang mampu memberikan pulangan yang baik.

Disamping itu, Tabung Haji juga akan mengkaji semula strategi pelaburannya dan akan memberikan penekanan kepada pengurusan risiko dalam setiap pelaburan bagi memastikan pelaburan yang diceburi akan memberikan pulangan yang lebih baik dan kompetitif. Oleh itu, adalah amat diharapkan dengan perlantikan beberapa ahli panel pelaburan baru pada tahun 2001 akan datang yang terdiri daripada ahli-ahli professional dalam bidang ekonomi, pelaburan, perakaunan dan syariah, maka Tabung Haji yakin akan dapat memantapkan proses penilaian sebelum sesuatu pelaburan baru diteruskan.²⁵

4.7 Struktur Organisasi Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)

Dalam perbincangan yang lebih awal, kita telah mendapati bahawa Jabatan Pelaburan telah melalui banyak perubahan semenjak penubuhannya secara rasmi pada tahun 1989. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan ini sentiasa memberikan kesan yang positif kepada pendapatan Tabung Haji secara umum. Sehingga tahun 2000, struktur Jabatan Pelaburan Tabung Haji terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Bahagian Pembangunan Hartanah
2. Bahagian Pembangunan Pelaburan
3. Bahagian Pengurusan Pelaburan
4. Bahagian Urusniaga Saham

5. Bahagian Perundangan

Sebagai pemulaaan, secara asasnya pada tahun 1989, Jabatan Pelaburan telah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Bahagian Pertukaran Wang Asing, Bahagian Tanah dan Binaan, Bahagian Saham, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan dan yang terakhir ialah Bahagian Urusan Korporat. Bagi memperlihatkan perkembangan positif Jabatan Pelaburan Tabung Haji, penulis akan turut menyenaraikan tanggungjawab dan fungsi setiap bahagian sebagaimana yang dilaporkan dalam buku laporan pada tahun 1993.

Bahagian Urusan Korporat bertanggungjawab untuk menguruskan hal chwal urusan korporat untuk keperluan keseluruhan jabatan. Selain daripada iatu ia juga merupakan urusetia kepada Majlis Penasihat Kewangan, Jawatankuasa Kawalan Perbelanjaan dan Pelaburan dan Mesyuarat Tender 'A' dan 'B'. Jabatan ini juga merupakan jabatan utama bagi menyediakan Laporan Tahunan LTH.²⁶

Seterusnya ialah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan yang bertanggungjawab untuk mengkaji dan mengemukakan cadangan ke atas tawaran-tawaran pelaburan yang diterima dan berusaha mencari dan mengenalpasti sektor-sektor pelaburan yang boleh diccbburi oleh Tabung Haji agar ianya mampu memberikan pulangan yang maksimum dan yang penting selaras dengan matlamat Tabung Haji. Selaras dengan namanya sebagai bahagian peyelidikan, bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menyelidik dan merancang strategi-strategi pelaburan bagi keseluruhan Tabung Haji dan anak-anak syarikat disamping mengesan keseluruhan prestasi aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaksanakan bersesuaian dengan objektif-objektif yang ditetapkan.²⁷

Bahagian yang ketiga iaitu Bahagian Saham yang turut menjadi penyumbang utama kepada dana Tabung Haji bertanggungjawab untuk melaksanakan pelaburan saham di dalam syarikat-syarikat awam dan swasta, projek usahasama dan memastikan penubuhan anak-anak syarikat mengikut kelulusan Majlis Penasihat Kewangan dan Lembaga Pengarah Tabung Haji. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mengawasi perkembangan syarikat-syarikat yang dipilih oleh Tabung Haji untuk menjalankan aktiviti pelaburan supaya ianya mendapat pulangan yang maksimum dari sebarang bentuk pelaburan saham yang diputuskan. Pelaburan saham yang dibuat di Tabung Haji ini terdiri daripada Saham Syarikat Tercatat, Saham Syarikat Tidak tercatat, Saham Anak Syarikat dan Saham Urusniaga. Pelaburan-pelaburan saham lain yang dibuat oleh LTH yang ianya secara langsung menjadi tanggungjawab jabatan ini termasuklah semua jenis pelaburan saham urusniaga dan pengurus tabungan, pelaburan jangka pendek dan Sijil Pelaburan Kerajaan (GIC).²⁸

Bahagian seterusnya iaitu Bahagian Tanah dan Binaan bertanggungjawab untuk mendapatkan tanah kerajaan secara pemberian milik atau tanah milik persendirian melalui pengambilan balik tanah atau pembelian secara langsung. Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan pembinaan bangunan di atas tanah-tanah kepunyaan Tabung Haji dan juga secara usahasama. Di samping itu, bahagian ini turut berfungsi untuk menguruskan pembelian dan penjualan bangunan.²⁹

Bahagian yang terakhir ialah Bahagian Pengurusan Wang. Bahagian ini berfungsi dengan aktif untuk merancang dan mengurus aliran tunai Tabung Haji bagi menentukan Tabung Haji mendapat pulangan yang maksimum. Pelaburan

yang dibuat oleh Tabung Haji banyak tertumpu kepada pelaburan pasaran wang tempatan di mana ia melibatkan pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan juga pelaburan dalam Sijil Pelaburan Kerajaan (GIC). Sebagai tambahan, bahagian ini juga bertanggungjawab untuk mengurus pembelian dan pelaburan mata wang Saudi Riyal (SR) untuk kegunaan dalam musim haji sama ada untuk perbelanjaan jemaah haji atau pihak Tabung Haji sendiri di Tanah Suci Mekah dan Madinah. Pelaburan dalam mata wang ini dibuat di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan di Gulf International Bank, Bahrain di mana wang Saudi Riyal (SR) dibeli awal dan dilaburkan dalam pelaburan yang halal untuk satu jangkamasa yang telah ditetapkan.³⁰

Sebagai satu usaha bagi mendepani situasi semasa yang sentiasa memerlukan peningkatan yang positif, maka pada tahun 1998 seterusnya ke tahun 1999, Jabatan Pelaburan telah membuat perubahan dalam struktur organisasinya di mana ia dibahagikan kepada beberapa bahagian yang lebih mantap iaitu Bahagian Hartanah, Bahagian Pembangunan Pelaburan, Bahagian Pengurusan Pelaburan, Bahagian Urusniaga Saham dan Bahagian Perundangan. Setiap bahagian-bahagian ini mempunyai tanggungjawab yang diamanahkan dengan harapan ia akan terus menyaksikan kecermerlangan Tabung Haji sebagai institusi kewangan contoh berterusan.

Jabatan Pelaburan Tabung Haji diketuai oleh Pengurus Besar Kanan dan beliau dibantu oleh beberapa bahagian yang memainkan peranan yang aktif dalam memastikan pelaburan Tabung Haji mendapat keyakinan pendeposit. Bahagian-bahagian ini diterajui oleh Pengurus Besar dan di bawahnya terdapat beberapa

pengurus yang mana bilangannya bergantung kepada setiap bahagian.³¹(Lihat lampiran 4.7)

Bahagian Pembangunan Hartanah merupakan satu bahagian utama di Jabatan Pelaburan di mana ia bertanggungjawab untuk mengkaji dan mengenalpasti tanah dan bangunan untuk dibeli bagi tujuan pelaburan. Disamping itu, ia juga bertanggungjawab untuk merancang pembinaan bangunan kepunyaan Tabung Haji dan kerja-kerja susulan mengenainya.³² Selain daripada itu, Bahagian Pembangunan Hartanah juga bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan mendapatkan tanah kerajaan secara pemberian milik atau tanah milik persendirian melalui pangambilan balik tanah atau pembelian secara langsung³³ sebagaimana yang dilakukan oleh bahagian ini untuk mendapatkan tanah-tanah milik penduduk Felda LBJ bagi tujuan pembangunan.

Bahagian Pembangunan Pelaburan pula bertanggungjawab untuk mengenalpasti peluang-peluang pelaburan yang halal dan berdaya maju serta membuat kajian terperinci ke atas sesuatu cadangan pelaburan untuk mendapatkan dividen atas pelaburan yang dibuat. Ia juga diamanahkan untuk melaksanakan strategi korporat bagi mengukuhkan pegangan ekuiti Tabung Haji di dalam sektor-sektor tertentu yang mencerminkan imej pelaburan korporat Tabung Haji.³⁴

Bahagian Pengurusan Pelaburan dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mengawasi pelaburan ekuiti tercatat dan tidak tercatat serta anak syarikat bagi memastikan aktiviti syarikat menepati hukum syarak, berdaya maju dan dapat memberikan pulangan maksimum. Selain daripada itu, bahagian ini turut diamanahkan untuk menjalankan perancangan strategik dan penganalisaan ke atas

syarikat-syarikat pelaburan bagi memperkukuhkan kepentingan TH.³⁵

Bahagian Urusniaga Saham dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelaburan saham jangka pendek. Melalui pelaburan yang dibuat, bahagian ini sentiasa cuba memastikan pelaburan yang dibuat mendapat keuntungan modal khususnya dalam saham-saham di BSKL. Selain daripada keuntungan berbentuk keuntungan modal, dividen juga diperolehi melalui pelaburan yang dibuat.³⁶

Seterusnya ialah Bahagian Perundangan Jabatan Pelaburan yang baru ditubuhkan pada 17 Ogos 1998 menempatkan Penasihat Undang-undang dari Pejabat Ketua Eksekutif ke Jabatan Pelaburan. Jabatan ini bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat perundangan kepada Jabatan Pelaburan dalam segala bentuk pelaburan yang dibuat termasuklah menasihati bahagian-bahagian di bawahnya. Selain daripada itu, bahagian ini turut memberikan khidmat nasihat kepada Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pendeposit, Jabatan Kewangan dan penasihat perundangan kepada semua 15 buah anak syarikat Tabung Haji dan beberapa syarikat bersekutu milik Tabung Haji.

4.8 Sektor-sektor utama dalam pelaburan di Jabatan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (LTH)

Di dalam mengendalikan aktiviti pelaburan, pihak pengurusan LTH sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berhati-hati dan berhemat. Setiap aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang terlibat akan sentiasa diawasi bagi memastikan ia halal dan menguntungkan serta berdaya maju.

Oleh itu, terdapat beberapa sektor yang menjadi asas pelaburan utama di LTH. Antaranya ialah sektor perladangan, hartanah, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan, perlombongan, kewangan dan urusniaga saham.³⁷

Bidang perladangan merupakan sumber utama pelaburan Tabung Haji yang sudah lama bertapak. Bermula pada tahun 1969, Tabung Haji mula mengorak langkah yang positif dengan melaksanakan projek pertama dalam bidang pelaburan di sektor perladangan. Ladang yang dimaksudkan iaitu ladang kelapa sawit seluas 4,074 hektar (10 000 ekar) di Keratong, Pahang.³⁸ Pembukaan ladang yang menjadi titik tolak kepada pelaburan-pelaburan lain ini telah menunjukkan kesan jangka panjang yang positif kepada Tabung Haji disamping telah menjadikan LTH dan aktiviti perladangannya tumpuan para pelabur. Perbincangan mengenai anak-anak syarikat LTH yang relibat secara langsung dalam pelaburan sektor perladangan ini akan dilakukan di dalam bab yang kelima.

Selain daripada aktiviti perladangan kelapa sawit, LTH juga pernah suatu masa dahulu melibatkan diri dalam beberapa sektor perladangan yang lain seperti getah, koko, kayu Jati dan buah-buahan. Ada antara tanaman-tanaman ini yang masih dikekalkan dan ada juga yang telah dihentikan penanamannya memandangkan permintaan yang kurang daripada pengguna khususnya di Malaysia sendiri. Selain daripada itu, ada juga tanaman yang telah diberhentikan penanamannya memandangkan daya saing yang agak rendah berbanding tanaman-tanaman lain sebagaimana yang berlaku kepada penanaman koko.³⁹

Dalam memastikan LTH sentiasa mendapat keuntungan yang berterusan, pelaburan dalam bidang hartanah turut diambil perhatian.⁴⁰ Dalam sektor ini,

aktiviti-aktiviti yang banyak mendapat tempat di Tabung Haji ialah seperti pembelian tanah dan bangunan, pelaburan secara langsung dalam sektor-sektor pembinaan, pembelian dan penyewaan bangunan. Sebagai tambahan, melalui anak-anak syarikat yang berkait rapat dengan aktiviti ini, LTH juga banyak mengaut keuntungan daripada pelaburan yang dijalankan. Sebagai contoh pelaburan dalam TH Properties Sdn. Bhd..

Dalam sektor pembinaan pula, Tabung Haji banyak terlibat dalam pembinaan perumahan-perumahan dan bangunan.⁴¹ Pelaburan yang dibuat dalam bidang ini banyak memberikan impak yang positif kepada LTH dimana kebanyakan pembeli atau pelabur menunjukkan minat terhadap produk-produk perumahan oleh Tabung Haji. Sebagai contoh dalam satu projek perumahan di Negeri Sembilan yang dikenali sebagai Bandar Warisan Puteri. Dalam sektor ini, LTH memberikan tumpuan pelaburannya terhadap anak syarikat yang terlibat iaitu TH Universal Builders Sdn. Bhd. dan TH Properties Sdn. Bhd. (Lihat lampiran 4.8)

Melalui sektor pembuatan, LTH membuat pelaburan yang berhati-hati dalam sektor ini. Antaranya ialah pegangan ekuiti dalam Nestle Sdn. Bhd. sebanyak 20 %.⁴² Selain daripada itu, terdapat juga pelaburan dalam sektor perkilangan besi, keluli, baja, tekstil, kasut, barangan elektrik dan elektronik, barangan perindustrian dan telekomunikasi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Selain daripada itu, pelaburan dalam bidang perkhidmatan juga LTH telah cuba berjinak-jinak. Antaranya ialah dalam pengurusan haji dan umrah serta pelancongan, LTH melalui anak syarikatnya TH Travel Industries Sdn Bhd. telah banyak memberikan kemudahan pelancongan dan beribadah kepada para

palanggan. Walaupun bidang perkhidmatan pelancongan ini mendapat persaingan yang agak besar, namun atas kepercayaan masyarakat terhadap mutu perkhidmatan LTH, maka TH Travel Industries terus unggul sebagai badan perkhidmatan umrah yang utama di negara kita. Sektor perkhidmatan yang cuba dipelopori oleh LTH bukan sahaja melibatkan pelancongan, tetapi turut melibatkan beberapa aktiviti lain seperti pengurusan dan penyelenggaraan bangunan, perkhidmatan keselamatan, pencucian bangunan dan juga perkhidmatan penyediaan makanan. Semua perkhidmatan ini disalurkan melalui anak syarikatnya iaitu TH Global Services Sdn. Bhd.

Sektor kewangan turut menuntun minat LTH untuk melabur di dalamnya. LTH yang meletakkan Islam sebagai perkara asas dalam urusan ekonominya, turut memiliki pegangan ekuiti dalam BIMB, pelaburan melalui instrumen-instrumen kewangan Islam dalam pasaran saham, pembelian matawang Riyal Saudi dan lain-lain.⁴³ Secara mendalam, penulis akan membincangkan jenis-jenis pelaburan di LTH dalam perbincangan selanjutnya.

4.9 Jenis-jenis Pelaburan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)

Bertepatan dengan objektif penubuhannya untuk memberi peluang kepada umat Islam di Malaysia melalui simpanan mereka, menceburi bidang pelaburan dan pemiagaan negara, Tabung Haji telah menyertai bidang-bidang pelaburan yang berpotensi dan meyakinkan yang merangkumi pelaburan saham jangka pendek dan jangka panjang dalam sektor-sektor ekonomi seperti perindustrian, perkhidmatan, peladangan serta pemilikan hartanah.

Sebagai tambahan dalam mengendalikan aktiviti pelaburan, pihak pengurusan LTH sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berhati-hati dan berhemat. Untuk itu, setiap aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang terlibat akan sentiasa diawasi bagi memastikan ia halal dan menguntungkan dan berdaya maju.⁴⁴ Oleh itu, antara jenis-jenis pelaburan yang diceburi oleh Tabung Haji secara umum ialah Pelaburan Jangka Pendek dan Pelaburan Jangka Panjang.

4.8.1 Pelaburan Jangka Pendek

Sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab 3, Pelaburan Jangka Pendek (*Short Term Investment*) merupakan satu bentuk pelaburan yang dijalankan untuk tempoh masa yang kurang daripada satu tahun. Dalam konteks pasaran saham pula, ia melibatkan tempoh masa yang sangat singkat, seperti beberapa hari atau minggu.⁴⁵ Dalam urusan pelaburan jangka pendek yang dijalankan di LTH, terdapat dua jenis pelaburan iaitu pelaburan dalam negeri dan pelaburan luar negara. Pelaburan jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan segera dalam modal.⁴⁶

Pelaburan Jangka Pendek yang dijalankan oleh pihak LTH, pengawalan dan penyeliaan setiap daripada pelaburan ini diuruskan oleh Bahagian Urusniaga Saham, Jabatan Pelaburan, LTH. Selain daripada bahagian ini, Jabatan Kewangan, LTH turut diamanahkan untuk menjalankan aktiviti pelaburan jangka pendek. Beberapa pelaburan telah diruskan oleh jabatan ini. Antaranya ialah pembelian

bon, tukaran wang asing (*foreign exchange*) dan sijil-sijil kerajaan (GIC)⁴⁷ dan juga pelaburan dalam instrumen-instrumen pelaburan kewangan Islam seperti nota korporat, akaun bank muḍārabah dan ' *bill of acceptances* '.⁴⁸

Sebagai contoh, pihak Jabatan Kewangan. LTH telah membeli bon yang ditawarkan oleh kerajaan melalui sijil pelaburan kerajaan Malaysia (GIC) yang dikendalikan mengikut konsep al-Qarḍ al-Hasan⁴⁹ dan juga bon yang ditawarkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Selain daripada itu, dalam pelaburan wang sektor korporat pula, Tabung Haji telah menyertai pelaburan pembiayaan *al-Ba' bithaman Ājil* (BBA) sebanyak RM 40 juta untuk Syarikat Shell MDS (Malaysia) Sdn. Bhd. pada pertengahan tahun 1990. Di samping itu, pada akhir tahun yang sama, LTH turut menyertai pelaburan pembiayaan *al-Musyārakah* sebanyak RM 50 juta untuk Syarikat Sarawak Shell Bhd.⁵⁰ Selain daripada itu, contoh yang terbaru ialah pembiayaan kewangan berlandaskan konsep *BBA dan al-Muḍārabah* ke atas Projek Air Kelantan.⁵¹

Pelaburan oleh LTH juga turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dunia dalam pelaburan yang dibuat di luar negara. Pelaburan ini melibatkan pelaburan mata wang Saudi Riyal (SR) yang menjadi kegunaan para jemaah haji semasa musim-musim haji dan umrah. Ia juga digunakan oleh LTH dan pegawai-pegawainya dalam segala bentuk transaksi yang berlaku di tanah suci. Sebagai contoh, pada musim haji tahun 1990, LTH telah membeli sejumlah SR 160 juta. Keperluan tersebut telah dibeli secara *spot* dengan menukarkan matawang Ringgit Malaysia ke matawang Dolar Amerika dan seterusnya ke matawang Saudi Riyal. Wang tersebut telah dilaburkan terlebih dahulu dalam bidang pelaburan yang halal untuk jangka masa yang ditetapkan. Atas kelulusan

Bank Negara Malaysia, urusan belian dan pelaburan dibuat melalui Gulf International Bank di Bahrain dan Bank Islam di London.⁵²

Walaupun pelaburan jangka pendek yang dilakukan oleh LTH mempunyai tempoh masa yang singkat, namun penglibatan yang sedikit ini masih mampu memberikan sumbangan yang besar kepada kemajuan LTH. Sebagai contoh, hasil daripada pelaburan jangka pendek yang dilaksanakan di LTH pada tahun-tahun 1989 hingga 1999 adalah amat produktif sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:


Jadual 4.2:
Pelaburan Jangka Pendek oleh LTH pada tahun 1989-1990

TAHUN	JUMLAH PELABURAN JANGKA PENDEK (RM)
1989	479,437,054
1990	361,194,110
1991	478,872,252
1992	548,154,470
1993	812,826,945
1994	1,101,902,577
1995	1,436,534,053
1996	2,190,026,747
1997	2,031,987,692
1998	1,834,851,880
1999	2,298,443,805

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Secara ringkas, jadual pelaburan jangka pendek oleh LTH di atas dapat dilihat secara lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah:

Carta 4.1:
Pelaburan Jangka Pendek oleh LTH pada tahun 1989-1990



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

4.8.2 Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan Jangka Panjang (*long term investment*) mengikut definisi asalnya merupakan satu bentuk pelaburan yang dijalankan untuk tempoh masa yang panjang dan selalunya melebihi satu tahun.⁵³ Jenis-jenis pelaburan yang termasuk dalam kelas ini adalah seperti Pelaburan Ekuiti / Nominee yang terdiri daripada Pelaburan Saham Tercatat dan Pelaburan Saham Tak Tercatat dan yang kedua ialah Pelaburan Hartanah dan Binaan. Pelaburan Jangka Panjang juga melibatkan pelaburan dalam anak-anak Syarikat yang akan dibincangkan dalam perbincangan yang lebih panjang.

Melalui pelaburan ekuiti atau saham ini, LTH telah mengambil keputusan untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang berada di Malaysia sahaja kecuali

dalam pelaburan melalui syarikat-syarikat Nestle Ascan di mana pelaburannya adalah terhad dalam negara-negara Ascan secara tidak langsung.⁵⁴ Selain daripada syarikat Nestle, LTH juga merupakan antara pelabur yang utama dalam Syarikat White Horse Tiles di Pasir Gudang yang menjalankan aktiviti pembuatan jubin yang digunakan dalam pembinaan khususnya pembinaan rumah-rumah kediaman. Selain daripada itu, pelaburan juga disalurkan kepada kilang pembuatan baja ICI yang digunakan dalam sektor perladangan. Pembelian saham juga dibuat terhadap kilang pengeluaran mancis api oleh Taiping Advertising Matches Sdn. Bhd., syarikat BATA, syarikat Proton sebanyak 1.5 %⁵⁵, dan lain-lain lagi.

Memandangkan pelaburan yang dibuat dalam sektor saham ekuiti atau saham ini agak besar dan memberikan pulangan yang besar kepada ekonomi para pendeposit di LTH, maka pihak LTH senantiasa memastikan pemilihan saham-saham dibuat dengan berhati-hati dan efisien. Pelaburan jangka panjang khususnya dalam saham ekuiti dan pengurus tabungan ini turut memberikan sumbangan yang besar kepada pihak pendeposit-pendeposit di LTH sebagaimana yng dibuktikan melalui jadual pelaburan ekuiti di bawah:

Jadual 4.3:
Pelaburan Jangka Panjang oleh LTH pada tahun 1989-1999


TAHUN	JUMLAH PELABURAN JANGKA PANJANG (RM)
1989	307,852,547
1990	484,795,214
1991	437,005,546
1992	582,613,43
1993	571,153,167
1994	784,074,995
1995	994,146,182
1996	1,136,088,508
1997	1,794,713,558

1998	2,316,910,274
1999	2,665,823,816

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Secara ringkas, jadual pelaburan jangka panjang oleh LTH di atas dapat dilihat secara lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah:

Carta 4.2:
Pelaburan Jangka Panjang oleh LTH pada tahun 1989-1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Selain daripada pelaburan dalam pasaran ekuiti, LTH juga telah banyak melabur dalam pasaran hartanah dan bangunan. Pelaburan jangka panjang ini juga merupakan salah satu pelaburan yang banyak memberikan pulangan yang besar kepada sektor hartanah negara umumnya dan pulangan kepada pendeposit khususnya. Ini kerana harga tanah dan bangunan senantiasa mengalami peningkatan saban tahun dan juga pelaburan dalam sektor penglibatan ini didapati lebih selamat dan terjamin. LTH mendapat keuntungan daripada pelaburan sektor ini melalui sewa yang dikenakan kepada bangunan Tabung Haji dan juga tanah-tanah yang dimiliki telah dan akan dibangunkan oleh Tabung Haji untuk mendapatkan

keuntungan berganda. Pelaburan LTH dalam sektor hartanah ini dapat ditunjukkan dalam jadual di bawah:


Jadual 4.4:
Pelaburan dalam Sektor Hartanah oleh LTH pada tahun 1989-1999

TAHUN	JUMLAH PELABURAN DALAM SEKTOR HARTANAH (RM)
1989	193,087,039
1990	206,628,205
1991	228,688,465
1992	237,867,257
1993	261,178,314
1994	270,134,986
1995	298,794,545
1996	410,177,664
1997	374,554,176
1998	654,618,509
1999	781,172,871

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Secara ringkas, jadual pelaburan jangka panjang oleh LTH di atas dapat dilihat secara lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah:

Carta 4.3:
Pelaburan dalam Sektor Hartanah oleh LTH pada tahun 1989-1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

4.8.3 Pelaburan Anak-anak Syarikat

Anak-anak Syarikat merupakan antara aset utama yang penting dalam penerusan kewangan di LTH. Pelaburan dalam anak-anak syarikat merupakan satu daripada bentuk pelaburan jangka panjang yang menjadi perbincangan utama di LTH. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika di bawah Jabatan Pelaburan sendiri, terdapat bahagian tertentu yang bertanggungjawab untuk menyelia dan mengawal segala aktiviti anak-anak syarikat yang berada di bawah kawalan LTH.

Sehingga tahun 1999, Tabung Haji telah menubuhkan 16 anak syarikat yang terlibat dalam pelbagai sektor dan penglibatan terbesar ialah dalam bidang perladangan⁵⁶ seperti *TH Plantation Sdn. Bhd.*, *TH Indopalms*, *TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn.Bhd.*, *Ladang Tabung Haji Estates (Holdings) Sdn. Bhd.*, *TH Agro Sdn. Bhd.*, *Ladang Sawit Bintulu Sdn.Bhd.*, *Tabung Haji – USIA Jatimas Sdn. Bhd.* dan *Tabung Haji Bonggaya Sdn. Bhd.*

Selain daripada anak-anak syarikat dalam sektor perladangan, pelaburan di LTH juga berkembang melalui anak-anak syarikat yang lain seperti *TH Travel Industries Sdn. Bhd.*, yang terlibat dalam perusahaan pengangkutan dan pelancongan, *TH Properties Sdn. Bhd.*, yang bergiat dalam sektor hartanah, *TH Universal Builders Sdn. Bhd.*, menjalankan urusan pembinaan, *TH Global Services Sdn. Bhd.* yang menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bangunan, kawalan keselamatan, pencucian, *catering*, dan lain-lain. *TH Computer Recovery & Services Sdn. Bhd.* pula memberikan perkhidmatan komputer, *TH Technologies Sdn. Bhd.* terlibat dalam sektor infrastruktur berteknologi tinggi dan *TH NSTC*, terlibat dalam pembangunan hartanah.

Oleh yang demikian, secara ringkasnya, pelaburan dalam anak-anak syarikat oleh LTH terbahagi kepada empat bahagian iaitu perladangan (*plantation*), pembinaan (*construction*), hartanah (*property*), dan perkhidmatan (*services*). Ini termasuklah 8 anak-anak syarikat terlibat dalam sektor perladangan. Anak-anak syarikat LTH dalam sektor perladangan ini akan dibincangkan secara mendalam oleh penulis dalam bab yang seterusnya.

Dua anak-anak syarikat pula terlibat dalam sektor pembinaan iaitu TH Universal Builders (THUB) Sdn. Bhd. yang mana pegangan saham LTH adalah sebanyak 100 %. Seterusnya ialah TH Technologies (THT) Sdn. Bhd. yang mana ia melibatkan pegangan saham LTH sebanyak 60 %. Antara contoh pembangunan yang dijalankan oleh THT ialah projek ERL (Transit Aliran Ringan) yang masih lagi dalam pembinaan dan hampir siap sepenuhnya.

Dalam sektor hartanah pula, LTH turut memiliki dua anak-anak syarikat iaitu TH Properties dan TH N.S. Technology Corridor (NSTC). TH Properties dimiliki oleh TH dengan pegangan ekuiti sebanyak 100 % dan dalam TH N.S. Technology Corridor pula TH memegang saham sebanyak 70 % bersama-sama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS) yang menguruskan tanah-tanah milik penduduk Negeri Sembilan di Felda LBJ.

Seterusnya ialah pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang mana LTH mengeluarkan sejumlah modal yang besar untuk menubuhkan anak-anak syarikat yang merupakan milikan penuh 100 % LTH iaitu TH Global Services Sdn. Bhd. dan TH Travel Industries Sdn. Bhd. TH Global Services Sdn. Bhd. secara umumnya menjalankan aktiviti penyediaan makanan dan pembersihan bangunan

manakala TH Travel Industries Sdn. Bhd. pula secara umumnya menawarkan perkhidmatan mengerjakan umrah dan ziarah. Selain daripada itu, LTH juga merupakan pemegang saham terbesar dalam TH Computers Sdn. Bhd. iaitu sebanyak 90 % dan juga TH International yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.⁵⁷ Akhir sekali ialah IMIM Holdings Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada tahun 1997 merupakan anak syarikat LTH 100 % yang terlibat dalam kegiatan pemegangan pelaburan, perkhidmatan penyelidikan, pendidikan dan pembangunan.⁵⁸

Bukti penglibatan LTH dalam pelaburan melalui anak-anak syarikat ini dapat ditunjukkan melalui jadual di bawah:


Jadual 4.5:
Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat oleh LTH pada tahun 1989-1999

TAHUN	JUMLAH PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (RM)
1989	99,594,434
1990	110,539,607
1991	128,771,410
1992	140,425,110
1993	128,427,610
1994	165,462,916
1995	178,462,916
1996	316,462,916
1997	370,145,394
1998	377,184,094
1999	381,122,098

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Secara ringkas dan jelas, jadual di atas dapat dilihat secara lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah:

Carta 4.4:
Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat oleh LTH pada tahun 1989-1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

4.10 Kesimpulan

Lembaga Tabung Haji (LTH), satu nama yang unggul dan amat disegani oleh pelbagai pihak terutama pesaing-pesaing dalam institusi kewangan negara kita mahupun peringkat antarabangsa. Di dalam segenap usaha bagi merealisasikan impian dan segala strategi pelaburan di LTH berjalan lancar dan menepati kehendak dan merit yang tertentu, maka sudah pasti wujud di sana satu bentuk pengurusan yang berdedikasi dan mampan.

Lantas, penubuhan Jabatan Pelabutan LTH merupakan satu titik permulaan ke arah satu kejayaan yang besar dalam usaha yang membanggakan umat Islam di Malaysia khususnya dan dunia amnya. Bermula dengan satu bahagian yang kecil yang berada di di bawah Jabatan Kewangan, kepentingan

pelaburan ini dapat ditembusi oleh pegawai-pegawai tertinggi di LTH. Justeru, berbekalkan kekuatan berpasukan yang utuh dan keyakinan yang tinggi kepada prinsip Islam yang sebenar, maka bahagian yang kecil itu telah menjadi dan berkembang kepada satu jabatan utama yang banyak memberikan sumbangan kepada status kewangan di Lembaga Tabung Haji (LTH), para pendeposit dan negara secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, dalam usaha yang menebal untuk membangunkan institusi ini, konsep pelaburan dalam Islam masih terus diaplikasikan dalam setiap bentuk pelaburan yang diceburi oleh Jabatan Pelaburan LTH. Selain daripada itu, dengan kekuatan jentera yang tersusun dan bermatlamat, jabatan ini sentiasa berusaha mencari peluang-peluang pelaburan yang bersifat kontemporari disamping mengadaptasikannya melalui wasilah pelaburan yang digunakan pada zaman Rasulullah ﷺ dan para sahabat yang dimuliakan.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah, pelaburan yang dibuat di LTH yang diawasi oleh Jabatan Pelaburan ini boleh dilihat sebagai satu bentuk pelaburan yang menyeluruh. Sifat dan ciri-ciri ini selari dengan kesejagatan Islam yang sentiasa menjadi topik perbincangan umat Islam seantero dunia. Pelaburan yang menyeluruh ini termasuklah dalam bidang perladangan, hartanah, pasaran saham dan ekuiti, dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, dengan kecekapan yang dimiliki, banyak anak-anak syarikat juga telah berjaya ditubuhkan di bawah penyeliaan Jabatan Pelaburan yang mana ia memenuhi kehendak dan keperluan semasa disamping berdaya maju.

Dengan demikian, wujudlah satu lagi alternatif kepada para pelabur Muslim untuk sama-sama melibatkan diri secara langsung dalam sektor pelaburan ini bagi memastikan keutuhan umat Islam senantiasa bersama-sama panji kemenangan dunia Islam. Jabatan Pelaburan, LTH juga patut diberikan kredit atas segala usaha dan penat jerih yang dicurahkan bagi memastikan LTH unggul sebagai badan perancang dan pelaksanaan ekonomi umat Islam di negara kita.

- ¹ LUTH (1993), *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. h. 191-192
- ² *Ibid.*, h. 3
- ³ *Ibid.*, h. 196-198; Lihat juga LUTH (1994), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1994*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 7
- ⁴ LUTH (1993), *op. cit.*, h. 198-199; Lihat juga *Ibid.*, h. 57
- ⁵ *Ibid.*, h. 200-201
- ⁶ *Ibid.*, h. 201
- ⁷ *Ibid.*, h. 202
- ⁸ *Ibid.*, h. 136
- ⁹ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ¹⁰ Mafuziah Othman (1995), *Keberkesanan LUTH: Peranan dan Faedahnya dalam Mempertingkatkan Kebajikan Masyarakat Islam di Malaysia: Kajian Khusus di Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman*, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 66
- ¹¹ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ¹² LUTH (1993) *op. cit.* h. 28
- ¹³ Abu Bakar Habin (2000), "*Jabatan Pelaburan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)*", (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 69-70
- ¹⁴ LUTH (1993), *Buku Cenderamata Ulangtahun ke 30 Lembaga Urusan dan Tabung Haji*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 28
- ¹⁵ Undang-undang Malaysia, Akta 535, Akta Tabung Haji 1995, h. 22
- ¹⁶ <http://www.tabung haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ¹⁷ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ¹⁸ LUTH (1993) *op. cit.*, h. 189 & 50-65
- ¹⁹ Abdullah Alwi Haji Hassan (1994), *Sales and Contract in Early Islamic Commercial Law*, Islamabad: Islamic Research Institute, International Islamic University, h. 189; lihat juga Abdul Mu'min Abdul Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaanya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 379
- ²⁰ LTH (2001), "*Pelaburan Tabung Haji Terkawal*", Berita Tabung Haji, Bil. 10/2001, Edisi Oktober 2001, h. 2
- ²¹ Wan Mohd. Ismail Wan Hussain, (t.t.), *Utilisation of Hajj Funds – Tabung Haji As An Islamic Investment Institution*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 88
- ²² Suruhanjaya Sekuriti (2002), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, h. 3
- ²³ LTH (1999), *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1999*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 74
- ²⁴ LTH (2001), *op. cit.*, h. 7
- ²⁵ *Ibid.*
- ²⁶ LUTH (1993), *op. cit.*, h. 127
- ²⁷ *Ibid.*, h. 127
- ²⁸ *Ibid.*, h. 127-128
- ²⁹ *Ibid.*, h. 128
- ³⁰ *Ibid.*, h. 129
- ³¹ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ³² LTH (2000), *Taklimat Pelaburan Tabung Haji 2000*, KL: Tabung Haji, h. 12
- ³³ LUTH (1990), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1990*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 84
- ³⁴ LTH (2000), *op. cit.*, h. 9
- ³⁵ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ³⁶ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ³⁷ LUTH (1993), *op. cit.*, h. 121
- ³⁸ LUTH (1993), *op. cit.*, h. 325

- ³⁹ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁴⁰ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁴¹ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁴² *Ibid.*, h. 319
- ⁴³ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁴⁴ <http://www.tabung haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁴⁵ Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 111
- ⁴⁶ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁴⁷ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁴⁸ <http://www.tabung haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁴⁹ LUTH (1993), *op. cit.*, h. 319
- ⁵⁰ LUTH (1990), *op. cit.*, h. 86
- ⁵¹ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁵² LUTH (1990), *op. cit.*, h. 86
- ⁵³ Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *op. cit.*, h. 111
- ⁵⁴ LUTH (1993), *op. cit.*, h. 319
- ⁵⁵ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁵⁶ <http://www.tabung haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁵⁷ Janji temu dan Wawancara pada 15 May 2002, 10.00 pagi dengan Encik Madon bin Mohd Jani (Pegawai Pelaburan-Analisis) di Jabatan Pelaburan, LTH
- ⁵⁸ LTH (1997), *Laporan Kewangan Lembaga Tabung Haji 1997*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 35